

SYARAT- SYARAT PERTANDINGAN MULTIMEDIA SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017

1.0 PENYERTAAN

1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua PLANMalaysia Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri/ Pegawai Kader PLANMalaysia dan Pegawai di Unit Pusat Setempat (OSC).

2.0 TEMA PERTANDINGAN

2.1 Tema Pertandingan Multimedia 2017 adalah: **Malaysia 2050**

2.2 Setiap peserta mestilah menyediakan multimedia berkisarkan Malaysia 2050 dan menyediakan tajuk masing-masing yang bersesuaian dengan tema yang diberikan.

Penyertaan adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan mesti mempunyai terjemahan Bahasa Malaysia(caption).

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

3.1 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu/kumpulan.

3.2 Setiap penyertaan perlu disertakan tajuk kepada Tema yang ditetapkan, Nama Jabatan/Bahagian, Ahli Kumpulan dan Sinopsis.

3.3 Sinopsis adalah WAJIB bagi memudahkan pihak juri memahami kandungan multimedia sebelum penjurian dibuat. Penyertaan yang tidak mempunyai sinopsis akan ditolak serta merta.

3.4 Penyertaan boleh dikemukakan dalam bentuk video, animasi dan sebagainya yang dikategorikan sebagai multimedia.

3.2 Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan, tetapi hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja.

3.3 Setiap multimedia adalah merupakan hasil karya sendiri.

3.4 Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati multimedia yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan akan dibatalkan serta merta.

3.5 Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan.

3.6 Multimedia yang dihasilkan mesti tidak melebihi durasi yang ditetapkan iaitu 1-3 minit dan tidak melebihi 5 minit jika terdapat kredit.

3.7 Format video yang ditetapkan adalah .MOV, resolusi minima 1280x720p 25fps.

3.8 Setiap penyertaan hendaklah dihantar dalam format DVD serta berdefinisi tinggi dan disertakan dengan :

- a) Borang penyertaan. **(Rujuk Lampiran 1)**,
- b) Salinan setiap multimedia yang dihasilkan, dan
- c) Sinopsis

4.0 KRITERIA PENGHAKIMAN

4.1 Keseluruhan multimedia yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut:

- | | | |
|--------------------|----------|-------------------|
| a) Idea | = | 40 markah |
| b) Kreativiti | = | 50 markah |
| c) Menepati tema | = | 10 markah |
| Keseluruhan | = | 100 markah |

4.2 Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan.

4.3 Semua multimedia yang diterima oleh pihak urus setia menjadi hakmilik urus setia dan urus setia boleh menggunakan multimedia tersebut untuk apa-apa tujuan.

5.0 SENARAI HADIAH PEMENANG

5.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- | | |
|---------------------------|---|
| a) Hadiah tempat Pertama: | Wang Tunai RM3000,
Piala dan Sijil Penghargaan |
| b) Hadiah tempat Kedua: | Wang Tunai RM2000 dan Sijil Penghargaan |
| c) Hadiah tempat Ketiga: | Wang Tunai RM1000 dan Sijil Penghargaan |

6.0 PENOLAKAN PENYERTAAN

6.1 Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa.

7.0 TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

7.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia selewat-lewatnya pada **24 Julai 2017 (Isnin) sebelum jam 5.00 petang.**

7.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **AKAN DITOLAK.**

8.0 PERTANYAAN

8.1 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pn. Norhazlida binti Roslan 03-2265 0620
(norhazlida@townplan.gov.my)

En. Raja Dhiyauddin bin Raja Aziz 03-2265 0623
(dhiyauddin@townplan.gov.my)

Alamat:

Urus Setia Pertandingan Multimedia
Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2017
Bahagian Korporat
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur
Tel : 03-22650600 Fax : 03-22650604

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MULTIMEDIA
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI
PLANMalaysia 2017**

1. Nama Jabatan/Bahagian :
2. Nama Kumpulan :
3. Nama Ketua Kumpulan :
4. Nama Ahli:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

5. Tema: Malaysia 2050
Tajuk Multimedia : _____
6. Sinopsis mengenai multimedia yang dihasilkan (50 patah perkataan) :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Pengesahan Ketua Jabatan

Tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian

Nama : _____

Jabatan/Bahagian : _____

Cop

Tarikh : _____